

AIA Malaysia rai 18 sekolah tersihat

Oleh **NUR ILAHI AHMAD**
utusanpelajar@mediamulia.com.my

AIA Malaysia meraikan pencapaian 18 buah sekolah rendah dan menengah dari seluruh negara dalam majlis Anugerah Sekolah Tersihat AIA, sebagai penghargaan terhadap usaha inovatif dan berimpak tinggi dalam membudayakan kesejahteraan pelajar serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang sihat dan positif.

Majlis tersebut merupakan kemuncak kepada edisi kedua pertandingan Sekolah Tersihat

AIA (AHS) yang diadakan sejak Oktober tahun lalu hingga hingga Mac lalu melibatkan lebih 60 penyertaan daripada sekolah kerajaan, swasta dan antarabangsa.

Ketua Pegawai Pemasaran AIA Malaysia, Chee Foong Wai, berkata, kejayaan program tersebut untuk tahun kedua berturut-turut menunjukkan peningkatan kesedaran dalam kalangan sekolah mengenai kepentingan penjagaan kesihatan pelajar secara menyeluruh.

“Program ini dimulakan pada tahun lalu dengan hasrat untuk memberi sokongan kepada sekolah membina

persekitaran yang lebih sihat dan menggembirakan. “Peningkatan penyertaan yang hampir dua kali ganda tahun ini memberikan sambutan yang memberangsangkan terhadap inisiatif tersebut,” katanya.

Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan, Abidin Marjan, berkata kerjasama antara sektor awam dan swasta seperti AIA serta Kementerian Pendidikan memainkan peranan penting dalam menyemai budaya kesejahteraan dalam sistem pendidikan.



SEMUA pemenang kategori sekolah rendah bergambar pada majlis Anugerah AIA Healthiest Schools (Sekolah Tersihat AIA) yang diadakan di ibu negara baru-baru ini. - UTUSAN/FIRDAUS M. JOHARI.